

Siapa Kid Chan?

Foto perkahwinan merupakan perkara yang sangat penting dan tidak boleh dipisahkan dari kebahagiaan pengantin. Foto dapat merakamkan detik berharga yang menjadi kenangan di kemudian hari dan dapat diceritakan kepada anak cucu anda. Sekeping foto menjadi sebuah kenangan masa lalu yang sudah tentu memiliki kesan tersendiri bagi orang yang berkaitan. Pentingnya suatu foto ialah ketika hari bahagia yang terjadi sekali seumur hidup seperti perkahwinan. Oleh itu, foto harus diusahakan mencapai hasil yang maksima.

Menyedari kepentingan tersebut, Kid Chan jurugambar pertama di Malaysia yang menerima keahlian **WPJA (Wedding Photojournalist Association)** menawarkan perkhidmatan fotografi perkahwinan terbaik untuk pelanggannya.

Kid Chan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Perdagangan Antarabangsa) dari Universiti Teknologi Curtin, Australia mengembangkan minatnya sebagai kerjaya dan perniagaan. Beliau kini dikenali di kalangan tokoh korporat, kerabat, artis dan orang kenamaan sebagai jurugambar profesional yang berwibawa. Hasil kerja seniman yang fasih berbahasa Melayu ini sering diterbitkan di media tempatan yang terkemuka seperti The Star, NONA, Pesona Pengantin dan Female. Sebagai seorang pakar fotografi dan pernah menulis untuk ruangan "Bertanya Kid Chan", beliau sering diundang sebagai tetamu untuk rancangan di televisyen.

Kid Chan serta **TEAM Portraitone** sememangnya pakar dalam merakamkan potret perkahwinan dengan sentuhan fotografi yang kreatif. Menurut Kid, beliau sentiasa memastikan perkhidmatan kepada pelanggan ke hadapan. Syarikat **www.portraitone.com** yang diterajui beliau kini telah beroperasi selama lapan tahun dan menjadi pilihan eksklusif.

Ruang pejabat beliau yang terletak di Suite F1, Mezzanine Floor, Sheraton Imperial Hotel mempamerkan pelbagai koleksi gambar perkahwinan, orang kenamaan yang pernah dirakamnya. Koleksi gambar yang dipamerkan secara tidak langsung memberi keyakinan kepada pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.


Setiap pelanggan yang berkunjung ke tempatnya menerima konsultasi secara percuma selama 45 minit bagi memberi peluang kepada pelanggan berbincang serta mengetahui lebih lanjut perkhidmatan yang ditawarkan. Kid Chan mementingkan kualiti perkhidmatan kepada setiap pelanggannya.

Kid Chan turut menasihati bakal pengantin agar memilih jurugambar yang tepat setimpal dengan kos yang dilaburkan. Tambah Kid tidak rugi buat mereka untuk membayar lebih bagi mendapatkan koleksi foto yang berkualiti kerana ia menjadi kenangan hingga ke anak cucu.

Bakal pengantin boleh memilih sama ada pakej fotografi setengah hari atau satu hari. Pakej yang ditawarkan bermula dari serendah RM1,550 dan ke atas. Perkhidmatan diberi berdasarkan bajet bakal pengantin. Menurut Kid Chan, sebaiknya bakal pengantin perlu menempah jurugambar sekurang-kurangnya sembilan bulan sebelum majlis perkahwinan berlangsung.

Sebagai jurugambar profesional, Kid Chan mementingkan komunikasi dua hala antaranya dan bakal pengantin agar mereka merasa selesa ketika rakaman foto dilakukan. Buat bakal pengantin yang ingin mendapatkan perkhidmatan Kid Chan, anda boleh membuat temujanji di ruang pejabatnya. Semoga hari indah yang dirakamkan memenuhi citarasa dan menjadi kenangan abadi anda berdua.

Kid Chan,
Pengarah Eksekutif



WWW.PORTRAITONE.COM

SUITE F1, MEZZANINE FLOOR,
SHERATON IMPERIAL HOTEL.
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250, KUALA LUMPUR.

Tel. No: 03-2072 5339
Email: info@portraitone.com

